



7 April 2023
7 April 2023
P.U. (A) 113

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH (REPUBLIK ISLAM IRAN) 2023

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS (ISLAMIC REPUBLIC OF IRAN) ORDER 2023

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

**PERINTAH BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH
(REPUBLIK ISLAM IRAN) 2023**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 17(1) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [Akta 621], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Republik Islam Iran) 2023.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa mengikut Perkara 26(1) Triti.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, "Triti" ertiannya Triti antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Islam Iran mengenai Bantuan Bersama Undang-Undang dalam Perkara Jenayah yang ditandatangani di Putrajaya, Malaysia pada 2 Ogos 2022 yang di bawahnya Republik Islam Iran telah bersetuju untuk memberikan bantuan dalam perkara jenayah kepada Malaysia.

Pengisytiharan Negara asing yang ditetapkan

3. Republik Islam Iran diisyiharkan sebagai Negara asing yang ditetapkan bagi maksud Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.

Pemakaian Akta bagi Republik Islam Iran

4. Bagi maksud Triti, Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 hendaklah terpakai berhubung dengan Republik Islam Iran.

Kemasukan Triti dalam Perintah

5. Terma-terma Triti dinyatakan dalam Jadual dan menjadi sebahagian daripada Perintah ini.

JADUAL
[Perenggan 5]

**TRITI
ANTARA
KERAJAAN MALAYSIA
DENGAN
KERAJAAN REPUBLIK ISLAM IRAN**

MENGENAI BANTUAN BERSAMA UNDANG-UNDANG DALAM PERKARA JENAYAH

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Islam Iran (kemudian daripada ini disebut secara sendirian sebagai “Pihak” dan secara kolektif sebagai “Pihak-Pihak”),

BERHASRAT untuk meningkatkan keberkesanan pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang Pihak-Pihak dalam penyiasatan dan pendakwaan jenayah dan mengesan, menyekat, membekukan, menyita dan melucuthakkan hasil dan peralatan jenayah melalui kerjasama dan bantuan bersama undang-undang dalam perkara jenayah,

BERDASARKAN prinsip kedaulatan negara, ketiadaan campur tangan dalam hal ehwal domestik antara satu sama lain dan perlindungan kepentingan bersama,

TELAH BERSETUJU seperti yang berikut:

**PERKARA 1
RUANG LINGKUP BANTUAN**

1. Pihak-Pihak hendaklah, mengikut Triti ini dan dengan mematuhi undang-undang domestik masing-masing, memberikan kepada satu sama lain bantuan bersama undang-undang yang seluas mungkin berkaitan dengan penyiasatan, pendakwaan dan prosiding yang berkenaan dengan kesalahan yang ke atasnya Pihak yang Meminta mempunyai bidang kuasa pada masa bantuan itu diminta.

2. Bantuan bersama undang-undang yang hendak diberikan mengikut Triti ini termasuklah:

- (a) mengambil keterangan atau pernyataan atau sumpah daripada orang;
- (b) membuat perkiraan bagi orang untuk memberikan keterangan atau membantu di dalam penyiasatan jenayah, termasuk pemindahan orang dalam jagaan;
- (c) melaksanakan penyampaian dokumen kehakiman;
- (d) melaksanakan penggeledahan dan penyitaan;
- (e) memeriksa objek dan tempat;
- (f) membekalkan dokumen dan rekod yang berkaitan termasuk rekod bank, kewangan, korporat atau perniagaan;
- (g) mendapatkan, membekukan dan melucuthakkan harta berkenaan dengan sesuatu kesalahan;
- (h) menyekat urusan dalam harta, membekukan harta, yang boleh didapati kembali berkenaan dengan sesuatu kesalahan;
- (i) mencari dan mengenal pasti orang;
- (j) mengenal pasti atau mengesan hasil jenayah dan harta dan peralatan yang diperoleh daripada atau digunakan dalam melakukan sesuatu kesalahan;
- (k) mendapatkan penalti kewangan berkenaan dengan sesuatu kesalahan; dan

- (l) apa-apa bentuk bantuan lain yang tidak dilarang oleh undang-undang Pihak yang Diminta.
3. Triti ini terpakai semata-mata bagi pemberian bantuan bersama undang-undang di kalangan Pihak-Pihak. Peruntukan Triti ini tidak mewujudkan apa-apa hak bagi pihak mana-mana orang persendirian untuk memperoleh, menyekat atau menahan masuk apa-apa keterangan atau untuk menghalang pelaksanaan apa-apa permintaan bagi bantuan.

PERKARA 2
KETIDAKPAKAIAN

1. Triti ini tidak terpakai bagi—
- (a) penangkapan atau penahanan mana-mana orang dengan tujuan untuk mengekstradisi orang itu;
- (b) penguatkuasaan di Pihak yang Diminta akan penghakiman jenayah yang dikenakan di Pihak yang Meminta kecuali setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta;
- (c) pemindahan orang dalam jagaan untuk menjalani hukuman; dan
- (d) pemindahan prosiding dalam perkara jenayah.
2. Triti ini tidak memberi kuasa kepada mana-mana Pihak untuk melaksanakan, di dalam wilayah Pihak yang satu lagi, penjalanan bidang kuasa atau pelaksanaan fungsi yang diletakkan dalam ruang lingkup eksklusif pihak berkuasa Pihak yang satu lagi oleh undang-undang domestiknya.

PERKARA 3
PENGEHADAN BANTUAN

1. Penolakan suatu permintaan bagi bantuan di bawah Triti ini hendaklah dibuat dengan mematuhi undang-undang domestik Pihak-Pihak masing-masing dan alasan penolakan termasuklah yang berikut:

- (a) Pihak yang Diminta mendapati bahawa permintaan itu berkaitan dengan suatu kesalahan politik kecuali suatu kesalahan yang berkenaan dengannya Pihak-Pihak mempunyai obligasi menurut perjanjian antarabangsa pelbagai hala yang kedua-dua Pihak ialah pihak kepadanya;
- (b) permintaan itu berkaitan dengan penyiasatan, pendakwaan atau penghukuman seseorang berkenaan dengan suatu perbuatan atau peninggalan yang, jika perbuatan atau peninggalan itu telah berlaku di Pihak yang Diminta, akan menjadi suatu kesalahan tentera di bawah undang-undang Pihak yang Diminta yang bukan juga suatu kesalahan di bawah undang-undang jenayah biasa Pihak yang Diminta itu;
- (c) terdapat alasan substansial untuk mempercayai bahawa permintaan itu telah dibuat bagi maksud untuk menyiasat, mendakwa atau menghukum seseorang kerana ras, agama, jantina, keturunan etnik, kerakyatan atau pendapat politik orang itu;
- (d) permintaan itu berkaitan dengan penyiasatan, pendakwaan atau penghukuman seseorang bagi suatu kesalahan dalam hal jika orang itu:
 - (i) telah disabitkan, dibebaskan atau diberi pengampunan oleh suatu mahkamah yang berwibawa atau pihak berkuasa lain di Pihak yang Meminta; atau

- (ii) telah menjalani hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang Pihak yang Meminta,
- berkenaan dengan kesalahan itu atau kesalahan lain yang terdiri daripada perbuatan atau peninggalan yang sama seperti kesalahan yang mula-mula disebut itu;
- (e) permintaan itu berkaitan dengan penyiasatan, pendakwaan atau penghukuman seseorang berkenaan dengan suatu perbuatan atau peninggalan yang, sekiranya perbuatan atau peninggalan itu telah berlaku di Pihak yang Diminta, tidak akan menjadi suatu kesalahan terhadap undang-undang Pihak yang Diminta;
- (f) peruntukan bantuan itu akan menjelaskan kedaulatan, keselamatan, ketenteraman awam atau kepentingan awam utama yang lain Pihak yang Diminta;
- (g) Pihak yang Meminta tidak mengaku janji bahawa butiran yang diminta itu tidak akan digunakan bagi perkara selain perkara jenayah yang berkenaan dengannya permintaan itu dibuat dan Pihak yang Diminta itu tidak mengizinkan untuk menepikan aku janji itu;
- (h) Pihak yang Meminta tidak mengaku janji untuk memulangkan kepada Pihak yang Diminta, atas permintaannya, apa-apa butiran yang diperoleh menurut permintaan itu apabila selesai perkara jenayah yang berkenaan dengannya permintaan itu dibuat;
- (i) peruntukan bantuan itu boleh menjelaskan apa-apa penyiasatan atau prosiding jenayah yang sedang berjalan di Pihak yang Diminta; atau
- (j) peruntukan bantuan itu memerlukan langkah-langkah diambil yang bertentangan dengan undang-undang Pihak yang Diminta.

2. Pihak yang Diminta boleh menolak bantuan jika, pada pendapatnya—
 - (a) Pihak yang Meminta telah, berkenaan dengan permintaan itu, gagal mematuhi mana-mana terma material Triti ini atau perkiraan lain yang berkaitan;
 - (b) peruntukan bantuan itu akan, atau berkemungkinan akan menjelaskan keselamatan mana-mana orang, sama ada orang itu berada di dalam atau di luar wilayah Pihak yang Diminta; atau
 - (c) peruntukan bantuan itu akan mengenakan suatu beban yang berlebih-lebihan ke atas sumber Pihak yang Diminta.
3. Bagi maksud subperenggan 1(b), kesalahan yang berikut tidaklah boleh dianggap sebagai kesalahan yang bersifat politik:
 - (a) suatu kesalahan terhadap nyawa atau diri seseorang Ketua Negara atau anggota keluarga terdekat seseorang Ketua Negara;
 - (b) suatu kesalahan terhadap nyawa atau diri seseorang Ketua Kerajaan, atau seseorang Menteri sesuatu Kerajaan;
 - (c) suatu kesalahan yang diwujudkan di bawah apa-apa triti antarabangsa pelbagai hala yang Pihak-Pihak ialah pihak kepadanya dan yang diisyiharkan dalam triti pelbagai hala berkenaan tidak dikira sebagai suatu kesalahan yang bersifat politik bagi maksud bantuan bersama undang-undang dalam perkara jenayah; dan
 - (d) apa-apa percubaan, persubahatan atau komplot untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dalam subperenggan (a) hingga (c).

4. Bantuan tidak boleh ditolak semata-mata atas alasan kerahsiaan bank dan institusi kewangan yang seumpamanya atau bahawa kesalahan itu juga dianggap melibatkan perkara fiskal.
5. Pihak yang Diminta boleh menangguhkan pelaksanaan permintaan sekiranya pelaksanaan segera permintaan itu akan mengganggu apa-apa penyiasatan atau prosiding jenayah yang sedang berjalan di Pihak yang Diminta.
6. Sebelum menolak sesuatu permintaan atau menangguhkan pelaksanaannya menurut Perkara ini, Pihak yang Diminta hendaklah menimbang sama ada bantuan boleh diberikan tertakluk kepada syarat tertentu.
7. Sekiranya Pihak yang Meminta menerima bantuan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah perenggan 6, Pihak itu hendaklah mematuhi terma-terma dan syarat-syarat itu.
8. Sekiranya Pihak yang Diminta menolak atau menangguhkan bantuan, Pihak Yang Diminta itu hendaklah dengan segera memberitahu Pihak yang Meminta alasan bagi penolakan atau penangguhan dan sebab-sebabnya.

PERKARA 4

PIHAK BERKUASA PUSAT DAN CARA BERKOMUNIKASI

1. Setiap Pihak hendaklah menetapkan suatu Pihak Berkuasa Pusat untuk membuat dan menerima permintaan menurut Triti ini.
2. Bagi Kerajaan Malaysia, Pihak Berkuasa Pusat ialah Peguam Negara atau seseorang yang ditetapkan oleh Peguam Negara.
3. Bagi Kerajaan Republik Islam Iran, Pihak Berkuasa Pusat ialah Kementerian Kehakiman.

4. Pihak-Pihak boleh pada bila-bila masa menetapkan mana-mana pihak berkuasa lain sebagai Pihak Berkuasa Pusat bagi maksud Triti ini. Pemberitahuan penetapan itu akan dibuat melalui pertukaran nota diplomatik.
5. Pihak Berkuasa Pusat hendaklah berkomunikasi antara satu sama lain melalui saluran diplomatik.
6. Dalam hal keadaan yang memerlukan tindakan segera, permintaan boleh dihantar secara langsung antara Pihak Berkuasa Pusat Pihak-Pihak, tetapi kemudian hendaklah disahkan dengan serta-merta melalui saluran diplomatik dan secara bertulis.

PERKARA 5 **BENTUK DAN KANDUNGAN PERMINTAAN**

1. Permintaan bagi bantuan hendaklah dibuat secara bertulis atau, jika boleh, melalui apa-apa cara yang berupaya menghasilkan suatu rekod bertulis di bawah keadaan yang membolehkan Pihak yang Diminta menentukan kesahan.
2. Sesuatu permintaan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Pihak yang Diminta atau penyiasatan atau prosiding jenayah untuk melaksanakan permintaan itu, termasuklah:
 - (a) nama pejabat yang meminta dan pihak berkuasa yang berwibawa yang menjalankan penyiasatan atau prosiding jenayah yang dengannya permintaan itu berkaitan;
 - (b) maksud dan perihalan mengenai bantuan yang diminta;
 - (c) perihalan mengenai kesalahan yang berkaitan dengan permintaan itu, termasuk penaltinya;

- (d) kecuali dalam hal permintaan bagi penyampaian dokumen kehakiman, perihalan mengenai fakta yang dikatakan menjadi kesalahan itu dan pernyataan atau teks undang-undang yang berkaitan;
- (e) perihalan mengenai keterangan, maklumat atau bantuan lain yang diminta;
- (f) sebab bagi dan perincian apa-apa butir tatacara atau kehendak atau had masa yang Pihak yang Meminta ingin supaya diikuti; dan
- (g) apa-apa maklumat lain yang diperlukan bagi pelaksanaan permintaan itu sewajarnya.

3. Permintaan bagi bantuan boleh juga, setakat yang perlu, mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) identiti, kerakyatan dan lokasi orang atau orang-orang yang menjadi subjek penyiasatan atau prosiding jenayah itu;
- (b) identiti dan lokasi mana-mana orang yang daripadanya keterangan diminta;
- (c) identiti dan lokasi seseorang yang kepadanya penyampaian akan dibuat, hubungan orang itu dengan prosiding jenayah itu;
- (d) maklumat mengenai identiti dan di mana seseorang itu boleh dikesan;
- (e) senarai soalan untuk ditanyakan bagi saksi;
- (f) perihalan mengenai dokumen, rekod atau butiran keterangan yang hendak dikemukakan serta perihalan mengenai orang yang sepatutnya diminta untuk mengemukakannya dan, setakat yang tidak diperuntukkan selainnya, bentuk yang dalamnya dokumen, rekod atau butiran keterangan patut dihasilkan semula dan disahkan;

- (g) perihalan mengenai harta, aset atau barang yang dengannya permintaan itu berkaitan, termasuk identiti dan lokasinya; dan
 - (h) apa-apa perintah mahkamah yang berhubungan dengan bantuan yang diminta dan pernyataan yang berhubungan dengan kemuktamadan perintah itu.
4. Sekiranya Pihak yang Diminta mendapati bahawa maklumat yang terkandung dalam permintaan itu tidak mencukupi untuk membolehkan permintaan itu diuruskan, Pihak itu boleh meminta maklumat tambahan. Pihak yang Meminta hendaklah membekalkan apa-apa maklumat tambahan yang didapati perlu oleh Pihak yang Diminta untuk membolehkan permintaan itu dipenuhi.

PERKARA 6

PELAKSANAAN PERMINTAAN

- 1. Permintaan bagi bantuan hendaklah dilaksanakan dengan segera, mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang dan amalan Pihak yang Diminta. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan amalannya, Pihak yang Diminta bolehlah melaksanakan permintaan itu mengikut cara yang dinyatakan oleh Pihak yang Meminta.
- 2. Pihak yang Diminta bolehlah, sekiranya diminta untuk berbuat demikian, membuat semua perkiraan yang perlu bagi perwakilan Pihak yang Meminta di Pihak yang Diminta dalam apa-apa prosiding yang berbangkit daripada suatu permintaan bagi bantuan dan hendaklah selainnya mewakili kepentingan Pihak yang Meminta.
- 3. Pihak yang Diminta hendaklah menjawab dalam tempoh yang munasabah kepada pertanyaan oleh Pihak yang Meminta mengenai kemajuan dalam pelaksanaan permintaan itu.

PERKARA 7
PENGEHADAN PENGGUNAAN KETERANGAN YANG DIPEROLEH

1. Pihak yang Meminta tidak boleh, tanpa keizinan Pihak yang Diminta dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang didapati perlu oleh Pihak yang Diminta, menggunakan atau memindahkan maklumat atau keterangan yang dibekalkan oleh Pihak yang Diminta bagi penyiasatan atau prosiding jenayah selain daripada yang dinyatakan dalam permintaan itu.
2. Walau apa pun perenggan 1, dalam hal sekiranya pertuduhan diubah, maklumat atau keterangan yang dibekalkan boleh digunakan setakat yang kesalahan itu, sebagaimana yang dipertuduhkan, merupakan suatu kesalahan yang berkenaan dengannya bantuan bersama undang-undang boleh diberikan di bawah Triti ini.

PERKARA 8
**PERLINDUNGAN KERAHSIAAN DAN SEKATAN PENGGUNAAN
KETERANGAN DAN MAKLUMAT**

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, menggunakan usaha terbaiknya untuk menjaga kerahsiaan permintaan bagi bantuan itu, kandungannya dan dokumen yang menyokongnya, hakikat pemberian bantuan itu dan apa-apa tindakan yang diambil menurut permintaan itu. Sekiranya permintaan itu tidak boleh dilaksanakan tanpa melanggar kehendak kerahsiaan yang dinyatakan dalam permintaan itu, Pihak yang Diminta hendaklah memberitahu Pihak yang Meminta sedemikian, yang kemudiannya hendaklah menentukan sama ada permintaan itu masih patut dilaksanakan.
2. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, menjaga kerahsiaan keterangan dan maklumat yang diberikan oleh Pihak yang Diminta, kecuali setakat mana keterangan dan maklumat tersebut diperlukan bagi penyiasatan dan prosiding jenayah yang diperihalkan dalam permintaan itu.

PERKARA 9
MEMPEROLEH KETERANGAN

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, mengambil testimoni bersumpah atau berikrar, atau dengan cara lain memperoleh pernyataan orang atau menghendaki orang itu mengemukakan dokumen, rekod atau butir-butir keterangan bagi penghantaran kepada Pihak yang Meminta.
2. Atas permintaan Pihak yang Meminta, pihak-pihak kepada prosiding yang berkenaan di Pihak yang Meminta, wakilnya di sisi undang-undang dan wakil Pihak yang Meminta boleh, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan tatacara Pihak yang Diminta, hadir di prosiding.

PERKARA 10
MENGAMBIL KETERANGAN MELALUI SIDANG VIDEO

1. Satu Pihak boleh meminta Pihak yang satu lagi membenarkan seseorang di dalam wilayah Pihak yang Diminta untuk memberi keterangan dalam penyiasatan, pendakwaan dan prosiding lain dalam perkara jenayah di Pihak yang Meminta melalui sidang video.
2. Pihak yang Diminta boleh menerima permintaan di bawah perenggan 1 Perkara ini setakat yang ia mungkin dan tidak melanggar undang-undang Pihak yang Diminta.
3. Piak-Pihak boleh mempersetujui syarat dan tatacara yang terpakai untuk mengambil keterangan melalui sidang video.

PERKARA 11
HAK ATAU OBLIGASI UNTUK MENOLAK MEMBERIKAN KETERANGAN

1. Seseorang yang dikehendaki untuk memberi keterangan di bawah Triti ini boleh menolak untuk memberi keterangan sekiranya undang-undang Pihak yang Diminta membenarkan atau menghendaki supaya orang itu untuk menolak untuk

berbuat demikian dalam hal keadaan yang seumpamanya dalam prosiding yang bermula di Pihak yang Diminta.

2. Sekiranya seseorang yang dikehendaki untuk memberi keterangan di bawah Triti ini menuntut hak atau keistimewaan kekebalan daripada memberi keterangan di bawah undang-undang Pihak yang Meminta, Pihak yang Diminta hendaklah memberitahu Pihak yang Meminta pendapat orang itu dan menghendaki Pihak yang Meminta untuk memberi keterangan sama ada hak atau keistimewaan itu wujud. Keterangan yang diberikan oleh Pihak yang Meminta hendaklah disifatkan sebagai bukti yang mencukupi sama ada hak atau keistimewaan itu wujud melainkan terdapat keterangan nyata sebaliknya.
3. Perkara ini tidak menghalang seseorang daripada menepikan hak atau keistimewaan kekebalan daripada memberi keterangan, dan membekalkan keterangan secara sukarela.

PERKARA 12
PERUNTUKAN DOKUMEN YANG TERSEDIA SECARA AWAM
DAN REKOD LAIN

1. Pihak yang Diminta hendaklah membekalkan kepada Pihak yang Meminta salinan rekod yang tersedia secara awam, termasuk dokumen atau maklumat dalam apa-apa bentuk, dalam milikan jabatan dan agensi kerajaan di Pihak yang Diminta.
2. Pihak yang Diminta boleh, setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, membekalkan kepada Pihak yang Meminta dengan salinan apa-apa rekod, termasuk dokumen atau maklumat dalam apa-apa bentuk, yang berada dalam milikan jabatan atau agensi kerajaan Pihak yang Diminta tetapi yang tidak tersedia secara awam. Pihak yang Diminta boleh menurut budi bicaranya menolak, secara keseluruhan atau sebahagiannya, suatu permintaan menurut perenggan ini.

PERKARA 13
KEHADIRAN ORANG DI PIHAK YANG MEMINTA

1. Pihak yang Diminta boleh, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, membantu dalam membuat perkiraan bagi kehadiran seseorang di Pihak yang Diminta, tertakluk kepada keizinannya, di Pihak yang Meminta—
 - (a) untuk membantu dalam penyiasatan berhubung dengan perkara jenayah di Pihak yang Meminta; atau
 - (b) untuk hadir dalam prosiding berhubung dengan perkara jenayah di Pihak yang Meminta melainkan jika orang itu ialah orang yang dipertuduh.
2. Pihak yang Diminta hendaklah mengundang orang itu untuk hadir sebagai saksi atau pakar di dalam prosiding jenayah atau untuk membantu dalam penyiasatan. Jika sesuai, Pihak yang Diminta hendaklah memuaskan hatinya bahawa perkiraan yang memuaskan telah dibuat bagi keselamatan orang itu.
3. Jika seseorang diminta untuk hadir di Pihak yang Meminta, permintaan itu hendaklah mengandungi maklumat mengenai perkara yang berikut:
 - (a) fi, elauan dan perbelanjaan, sekiranya ada, yang orang itu berhak;
 - (b) perkiraan bagi keselamatannya semasa orang itu dalam perjalanan ke dan dari Pihak yang Meminta dan semasa dia berada di Pihak yang Meminta, sekiranya ada; dan
 - (c) perkiraan bagi penginapannya semasa dia berada di Pihak yang Meminta.

PERKARA 14
KEHADIRAN ORANG DALAM JAGAAN DI PIHAK YANG MEMINTA

1. Pihak yang Diminta boleh, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, bersetuju untuk membenarkan seseorang dalam jagaan di Pihak yang Diminta, tertakluk kepada keizinannya, untuk dipindahkan secara sementara kepada Pihak yang Meminta untuk memberikan keterangan atau untuk membantu dalam penyiasatan.
2. Semasa orang itu dipindahkan dikehendaki untuk berada di dalam jagaan di bawah undang-undang Pihak yang Diminta, Pihak yang Meminta hendaklah menahan orang dalam jagaan dan hendaklah mengembalikan orang dalam jagaan itu kepada Pihak yang Diminta apabila selesai perkara berhubung dengan perpindahan itu diminta atau pada masa yang lebih awal apabila keberadaan orang itu tidak lagi diperlukan.
3. Jika Pihak yang Diminta memaklumkan Pihak yang Meminta bahawa orang yang dipindahkan itu tidak lagi diperlukan untuk ditahan dalam jagaan, orang itu hendaklah dibebaskan daripada jagaan dan dianggap sebagai orang yang disebut dalam Perkara 13 Triti ini.
4. Pihak yang Meminta tidak boleh menghendaki Pihak yang Diminta untuk memulakan prosiding ekstradisi bagi pengembalian orang yang dipindahkan itu.
5. Tempoh orang itu berada dalam jagaan Pihak yang Meminta hendaklah diambil kira dalam mengira tempoh pemenjaraan atau penahanannya di Pihak yang Diminta.

PERKARA 15
PERJALANAN SELAMAT

1. Tertakluk kepada perenggan 2, jika seseorang berada di Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Perkara 13 atau 14 Triti ini—
 - (a) orang itu tidak boleh ditahan, didakwa, dihukum atau tertakluk kepada apa-apa sekatan kebebasan diri yang lain di Pihak yang Meminta

berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan atau sabitan bagi apa-apa kesalahan terhadap undang-undang Pihak yang Meminta yang dikatakan telah dilakukan, atau telah dilakukan, sebelum orang itu berlepas dari Pihak yang Diminta;

- (b) orang itu tidak boleh, tanpa keizinan orang itu, dikehendaki untuk memberikan keterangan dalam apa-apa prosiding jenayah atau bantuan dalam apa-apa penyiasatan di Pihak yang Meminta selain daripada prosiding atau penyiasatan jenayah yang berkaitan dengan permintaan itu; atau
- (c) orang itu tidak tertakluk kepada apa-apa guaman sivil berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan orang itu yang dikatakan telah berlaku, atau telah berlaku, sebelum keberangkatan orang itu dari Pihak yang Diminta.

2. Perenggan 1 hendaklah terhenti terpakai jika orang itu, bebas dan berupaya untuk pergi, tidak meninggalkan Pihak yang Meminta dalam tempoh 15 hari berturut-turut selepas orang itu telah dimaklumkan atau diberitahu secara rasmi bahawa keberadaannya tidak lagi dikehendaki atau, setelah meninggalkan Pihak yang Meminta, telah kembali secara sukarela.

3. Seseorang yang hadir di hadapan suatu pihak berkuasa atau mahkamah yang berwibawa di Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Perkara 13 atau 14 Triti ini tidak boleh tertakluk kepada pendakwaan berdasarkan testimoni itu kecuali bahawa orang itu hendaklah tertakluk kepada undang-undang Pihak yang Meminta berhubung dengan penghinaan mahkamah dan sumpah bohong.

4. Jika orang yang berada di Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan di bawah Perkara 13 atau 14 Triti ini tertakluk kepada mana-mana tindakan yang disebut dalam perenggan 1, Pihak yang Meminta hendaklah memaklumkan Pihak yang Diminta dan, sekiranya orang yang berkenaan itu ialah rakyat Negara ketiga, Negara ketiga yang berkenaan.

5. Seseorang yang tidak memberi keizinan untuk berada di Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Perkara 13 atau 14 Triti ini tidak boleh hanya oleh sebab penolakan atau kegagalan untuk memberi keizinan itu tertakluk kepada apa-apa penalti atau liabiliti atau selainnya terjejas di sisi undang-undang walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan dalam permintaan itu.

PERKARA 16
PENGGELEDAHAN DAN PENYITAAN

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, melaksanakan suatu permintaan bagi penggeledahan, penyitaan dan penghantaran apa-apa dokumen, rekod atau butiran kepada Pihak yang Meminta sekiranya terdapat alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa dokumen, rekod atau butiran berkaitan dengan suatu perkara jenayah bagi maksud keterangan dan sekiranya permintaan itu termasuk maklumat yang menjustifikasi tindakan itu di bawah undang-undang Pihak yang Diminta dan dengan syarat bahawa hak pihak ketiga yang *bona fide* dilindungi.
2. Pihak yang Meminta hendaklah menuruti apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pihak yang Diminta berhubung dengan apa-apa dokumen, rekod atau butiran yang disita yang boleh diserahkan kepada Pihak yang Meminta yang didapati perlu oleh Pihak yang Diminta untuk melindungi dokumen, rekod atau butiran yang hendak dipindahkan.
3. Pihak yang Diminta hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan memaklumkan Pihak yang Meminta bagi keputusan yang diperoleh.

PERKARA 17
PEMULANGAN KETERANGAN

1. Pihak yang Meminta hendaklah, apabila diminta, apabila selesainya perkara jenayah yang berkenaan dengan permintaan bagi bantuan itu dibuat memulangkan kepada Pihak yang Diminta apa-apa dokumen, rekod atau butiran yang dibekalkan kepada Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan di bawah Triti ini.

2. Walau apa pun perenggan 1, Pihak yang Meminta hendaklah pada bila-bila masa, apabila diminta, memulangkan secara sementara kepada Pihak yang Diminta apa-apa dokumen, rekod atau butiran yang dibekalkan kepada Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan di bawah Triti ini sekiranya ia diperlukan bagi suatu penyiasatan atau prosiding jenayah di Pihak yang Diminta.

PERKARA 18
PENYAMPAIAN DOKUMEN

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, menggunakan usaha terbaiknya untuk melaksanakan penyampaian apa-apa dokumen yang berkaitan dengan suatu perkara jenayah yang berbangkit di Pihak yang Meminta yang dihantar kepadanya bagi maksud ini oleh Pihak yang Meminta.
2. Pihak yang Meminta hendaklah menghantar apa-apa permintaan bagi penyampaian sesuatu dokumen yang berkaitan dengan respons atau kehadiran di Pihak yang Meminta tidak lewat daripada enam puluh hari sebelum jawapan atau kehadiran yang dijadualkan itu.
3. Pihak yang Diminta hendaklah memulangkan bukti penyampaian mengikut cara yang dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak.
4. Bagi maksud perenggan 3, ungkapan “bukti penyampaian” termasuklah maklumat dalam bentuk afidavit mengenai bila dan bagaimana dokumen itu telah disampaikan dan, jika mungkin, resit yang ditandatangani oleh orang yang kepadanya dokumen itu disampaikan dan jika pegawai yang menyampaikan itu tidak dapat menyebabkan dokumen itu disampaikan, fakta itu dan sebab bagi kegagalan itu.

PERKARA 19
BANTUAN DALAM PROSIDING PENYITAAN DAN PELUCUTHAKAN

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, menggunakan usaha terbaiknya untuk mencari, mengesan,

menyekat, membekukan, menyita dan melucuthakkan hasil jenayah dan peralatan jenayah.

2. Pihak yang Diminta hendaklah membantu Pihak yang Meminta, setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, dalam prosiding yang berhubungan dengan penyitaan atau pelucuthakan hasil jenayah dan peralatan jenayah dan mendapatkan penalti kewangan. Ini termasuklah tindakan untuk membekukan hasil atau peralatan jenayah sementara menunggu prosiding lanjut.
3. Jika Pihak yang Meminta meminta bantuan bagi penguatkuasaan sesuatu perintah mahkamah yang menyekat, menyita, melucuthakkan atau selainnya membekukan harta atau aset, permintaan itu hendaklah disertai dengan perintah asal yang ditandatangani atau salinan terperaku perintah itu.
4. Pihak yang Diminta yang mengawal harta atau aset yang disita dan dilucuthakkan atau penalti kewangan yang didapatkan semula hendaklah melupuskannya mengikut undang-undangnya. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, Pihak yang Diminta boleh memindahkan semua atau mana-mana bahagian harta atau hasil daripada penjualannya atau penalti kewangan yang didapatkan semula kepada Pihak yang Meminta atas terma yang dipersetujui bersama.
5. Dalam pemakaian Perkara ini, hak pihak ketiga yang *bona fide* hendaklah dihormati.

PERKARA 20

KESESUAIAN DENGAN PERKIRAAN LAIN

1. Tiada apa-apa juu dalam Triti ini boleh menghalang Pihak-Pihak daripada memperuntukkan bantuan kepada satu sama lain menurut triti lain, perkiraan lain atau peruntukan undang-undang negara mereka.
2. Melainkan Pihak-Pihak bersetuju bersama sebaliknya, Triti ini tidak boleh ditafsirkan sebagai menjaskan atau menyekat obligasi yang berkuat kuasa antara

Pihak-Pihak di bawah mana-mana triti atau perkiraan antarabangsa, dua hala atau pelbagai hala lain yang mengandungi atau mungkin mengandungi fasal-fasal yang mengawal selia aspek tertentu bantuan kehakiman jenayah antarabangsa, secara keseluruhan atau sebahagian, atau amalan yang lebih baik yang mungkin diamalkan oleh Pihak-Pihak dalam perkara ini.

PERKARA 21
PERAKUAN DAN PENGESAHAN

Bagi maksud Triti ini, apa-apa dokumen yang dihantar mengikut Triti ini tidak menghendaki apa-apa bentuk perakuan atau pengesahan kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Triti ini atau dalam permintaan itu.

PERKARA 22
KOS

1. Pihak yang Diminta hendaklah menanggung segala perbelanjaan biasa bagi memenuhi permintaan bagi bantuan kecuali bahawa Pihak yang Meminta hendaklah menanggung—

- (a) fi peguam yang diambil atas permintaan Pihak yang Meminta;
- (b) fi dan perbelanjaan saksi pakar;
- (c) kos pentafsiran dan pentranskripsian;
- (d) perbelanjaan yang berkaitan dengan pembawaan mana-mana orang ke atau dari wilayah Pihak yang Diminta dan fi, elaun dan perbelanjaan yang kena dibayar kepada orang yang berkenaan sementara orang itu berada di Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Perkara 13 atau 14 Triti ini; dan
- (e) perbelanjaan yang berkaitan dengan pembawaan pegawai penjaga atau pegawai pengiring.

2. Kos untuk mengadakan sambungan video atau televisyen secara langsung atau kemudahan perhubungan dan multimedia lain yang sesuai, kos yang berkaitan dengan perkhidmatan sambungan video atau televisyen secara langsung atau kemudahan komunikasi dan multimedia lain yang sesuai, ganjaran penterjemah yang dibekalkan oleh Pihak yang Diminta dan elauan bagi saksi dan perbelanjaan perjalanan mereka di Pihak yang Diminta hendaklah dibayar balik oleh Pihak yang Meminta kepada Pihak yang Diminta, melainkan Pihak-Pihak bersetuju bersama selainnya.
3. Jika semasa pelaksanaan permintaan itu adalah jelas bahawa perbelanjaan yang bersifat luar biasa atau substansial dikehendaki untuk memenuhi permintaan itu, Pihak-Pihak hendaklah berunding untuk menentukan terma-terma dan syarat-syarat yang di bawahnya pelaksanaan permintaan itu hendaklah dilaksanakan atau diteruskan.

**PERKARA 23
BAHASA**

Semua dokumen yang dikemukakan oleh Pihak yang Meminta hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris melainkan jika kehendak ini ditepikan oleh Pihak yang Diminta.

**PERKARA 24
PINDAAN**

1. Triti ini boleh dipinda pada bila-bila masa melalui keizinan bertulis bersama Pihak-Pihak. Pindaan sedemikian hendaklah mula berkuat kuasa melalui cara yang dinyatakan dalam Perkara 26 Triti ini dan akan menjadi sebahagian daripada Triti ini.
2. Apa-apa pindaan tidaklah menjelaskan hak dan obligasi yang berbangkit daripada atau yang berdasarkan Triti ini sebelum atau sehingga tarikh pindaan itu mula berkuat kuasa.

**PERKARA 25
PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

Apa-apa perbezaan atau pertikaian antara Pihak-Pihak yang berbangkit daripada pentafsiran atau pelaksanaan peruntukan Triti ini hendaklah diselesaikan secara aman

dengan cara rundingan atau runding bicara antara Pihak-Pihak melalui saluran diplomatik tanpa merujuk kepada mana-mana pihak ketiga atau tribunal antarabangsa.

PERKARA 26
PERMULAAN KUAT KUASA DAN PENAMATAN

1. Triti ini hendaklah mula berkuat kuasa apabila tamatnya 30 hari dari tarikh notis bertulis terakhir daripada Pihak-Pihak melalui saluran diplomatik tentang penyelesaian semua tatacara dalaman sebagaimana dikehendaki bagi permulaan kuat kuasa Triti ini.
2. Triti ini hendaklah terpakai bagi permintaan yang dikemukakan selepas tarikh permulaan kuat kuasanya sama ada perbuatan atau peninggalan yang berkaitan dengannya menjadi kesalahan itu berlaku sebelum atau selepas tarikh itu.
3. Mana-mana Pihak boleh menamatkan Triti ini melalui pemberitahuan secara bertulis pada bila-bila masa melalui saluran diplomatik dan Triti ini hendaklah terhenti berkuat kuasa enam (6) bulan selepas tarikh apabila pemberitahuan diberikan.
4. Penamatan Triti ini hendaklah tanpa menjaskan hak dan obligasi yang berbangkit daripada atau berdasarkan Triti ini dan penyelesaian apa-apa permintaan yang dibuat menurut Triti ini sebelum atau sehingga tarikh pemutusan.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, yang bertandatangan di bawah ini, yang diberi kuasa oleh Kerajaan masing-masing, telah menandatangani Triti ini.

DIBUAT dalam dua salinan di Putrajaya pada 2 hari bulan Ogos 2022 bersamaan 11 hari bulan Mordad 1401 kalender Iran dalam bahasa Melayu, Parsi dan Inggeris, kesemua teks sama sahihnya. Dalam hal perbezaan, teks bahasa Inggeris hendaklah terpakai.

**UNTUK DAN BAGI PIHAK
KERAJAAN MALAYSIA**

**UNTUK DAN BAGI PIHAK
KERAJAAN REPUBLIK ISLAM IRAN**

Bertarikh 29 Mac 2023
[JPN(R)152/185/29/10; PN(PU2)628/Jld. 13]

DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Undang-undang dan Reformasi Institusi)

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS ACT 2002

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS
(ISLAMIC REPUBLIC OF IRAN) ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by subsection 17(1) of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 [Act 621], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Mutual Assistance in Criminal Matters (Islamic Republic of Iran) Order 2023**.

(2) This Order comes into operation in accordance with Article 26(1) of the Treaty.

Interpretation

